AmLife Insurance Bhd lwn Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO 14–6–06 TAHUN 2014
HAS ZANAH MEHAT H
15 FEBRUARI 2017

Undang-Undang Hasil — Cukai pendapatan — Rayuan — Rayuan terhadap 'deciding order' — Sama ada 'deciding order' oleh panel baru sah — Sama ada persetujuan kedua-dua pihak memberi bidang kuasa kepada panel baru untuk membuat keputusan, menyediakan dan menandatangani 'case stated' — Akta Cukai Pendapatan 1967

Satu panel pesuruhjaya khas cukai pendapatan ('PKCP') telah mendengar rayuan perayu di peringkat hujahan permulaan ('opening speech') dan keterangan saksi-saksi namun semua ahli panel telah bersara sebelum mendengar hujahan serta keputusan ('deciding order'). Kedua-dua pihak kemudiannya bersetuju supaya hujahan diteruskan di hadapan panel baru. Panel baru telah membuat keputusan berdasarkan keterangan-keterangan yang direkodkan dan pernyataan saksi yang difailkan di hadapan panel pertama serta hujahan-hujahan di hadapan panel baru. Perayu telah merayu terhadap *deciding order* yang diberikan oleh panel baru atas sebab kegagalan korum berdasarkan Jadual Ke-5 perenggan 1A Akta Cukai Pendapatan 1967. Isu awalan yang telah dibangkitkan adalah sama ada: (a) *deciding order* oleh panel baru adalah sah; dan (b) persetujuan kedua-dua pihak supaya rayuan cukai diputuskan oleh panel baru memberi bidang kuasa kepada panel baru untuk membuat keputusan, menyediakan dan menandatangani *case stated.*

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Terdapat kegagalan korum ('corum failure') semasa prosiding di hadapan panel baru PKCP kerana ketiadaan seorang pun keahlian panel daripada panel pertama. Persetujuan kedua-dua pihak tidak memberi bidang kuasa untuk panel baru untuk meneruskan dengan pendengaran rayuan ini. Memandangkan bahawa semua ahli panel pertama telah bersara, sepatutnya panel baru hendaklah mendengar semula ('heard afresh') rayuan berdasarkan perenggan Jadual Ke-5 perenggan 1A Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh kerana dalam kes ini ketiadaan seorang pun ahli panel pertama yang masih berkhidmat, ini bermakna rayuan tersebut hendaklah didengar semula ('heard afresh'). Keadaan dalam kes ini bukan *heard afresh* kerana berdasarkan *case stated*, panel baru telah bergantung kepada keterangan yang telah direkodkan oleh panel

pertama. Oleh itu, *deciding order* oleh panel baru adalah tidak sah (lihat perenggan 11–12).

[English summary

A panel of special tax commission commissioners ('STCC') had heard the appellant's appeal at the opening speech and testimony of the witnesses but all panel members retired before hearing the decision and deciding order. The two sides agreed to continue the argument before a new panel. The new panel had made decisions based on the recorded statements and witness statements filed before the first panel as well as the submissions before the new panel. The appellant appealed against the deciding order given by the new panel due to a quorum failure pursuant to Schedule 5 para 1A of the Income Tax Act 1967. The initial issue raised was whether: (a) the deciding the order by the new panel was valid; and (b) the consent of both parties to the tax appeal to be decided by a new panel had vested the jurisdiction to the new panel to make a decision, prepare and sign the case stated.

Held, allowing the appeal:

(1) There was a corum failure during the proceedings in front of the STCC new panel due to the absence of any panel membership from the first panel. The consent of both parties did not give jurisdiction to the new panel to proceed with the hearing of this appeal. Given that all the first panel members had retired, the new panel the appeal should be heard afresh based on para 5 of para 1A of the Income Tax Act 1967. Since in this case there was absence of any first member of the panel still serving, this meant that the appeal should be heard afresh. The situation in this case was not heard afresh because based on case stated, the new panel had relied on evidence that had been recorded by the first panel. Therefore, the deciding order by the new panel was invalid (see paras 11–12).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan cukai pendapatan, lihat 10(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2609–2632.

Kes-kes yang dirujuk

Allied Capital Sdn Bhd v Mohd Latiff bin Shah Mohd, & another application [2005] 3 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 350, MP (dirujuk)

Chia Yan Tek & Anor v Ng Swee Kiat & Anor [2001] 4 MLJ 1; [2001] 4 CLJ 61, MP (dirujuk)

Federal Hotel Sdn Bhd v National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers [1983] 1 MLJ 175; [1983] CLJ Rep 150, MP (dirujuk)

Gurbachan Singh s/o Bagawan Singh & Anor v Vellasamy s/o Pennusamy & Ors and other applications [2012] 2 MLJ 149; [2012] 2 CLJ 663, MP (dirujuk)

MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun [2002] 2 MLJ 673, MP (dirujuk)
Raja Petra Raja Kamarudin v Menteri Dalam Negeri [2009] MLJU 1860; [2010] 4 CLJ 25, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 Jadual Ke-5, perenggan 1(1), 1A, 34, 35

DP Naban (S Saravana Kumar dan Jeng Jia bersamanya) (Lee Hishammuddin Allen & Gledhill) bagi pihak perayu.
Abdul Aziz bin Harun (Kevin Hal Lai Keong bersamanya) (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) bagi pihak responden.

Has Zanah Mehat H:

PENGENALAN

[1] Perayu telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ('PKCP') melalui *case stated* di bawah perenggan 34–35 Jadual Ke-5 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta') yang memperuntukkan seperti berikut:

> 34. Either party to proceedings before the Special Commissioners may appeal on a question of law against a deciding order made in those proceedings (including a deciding order made pursuant to subparagraph 26(b) or (c)) by requiring the Special Commissioners to state a case for the opinion of the High Court and by paying to the Clerk at the time of making the requisition such fee as may be prescribed from time to time by the Minister in respect of each deciding order against which he seeks to appeal.
>
> 35. A requisition under paragraph 34 shall be in writing and shall be sent or delivered to the Clerk within twenty-one days after the service on the intending appellant of the order against which he seeks to appeal.

[2] Sebelum mahkamah ini mendengar rayuan substantif, peguam perayu telah membangkitkan isu awalan mengenai keesahan panel baru PKCP ('panel baru') yang hanya mendengar hujahan dan kemudiannya membuat keputusan terhadap rayuan cukai tersebut ('deciding order') berdasarkan prosiding yang telah dimulakan oleh panel pertama. Peguam perayu berhujah bahawa telah terdapat kegagalan korum dalam prosiding rayuan tersebut. Oleh itu *deciding order* tersebut adalah tidak sah. Isu awalan yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:

(a) sama ada *deciding order* oleh panel baru adalah sah; dan

(b) sama ada persetujuan kedua-kedua pihak supaya rayuan cukai diputuskan oleh panel baru memberi bidang kuasa kepada panel baru

untuk membuat keputusan, menyediakan dan menandatangani *case stated*.

FAKTA LATAR BELAKANG

[3] Pada 28–29 Mac 2011 satu panel PKCP yang keahliannya seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 1(1) Jadual Ke-5 Akta (panel pertama) telah mendengar rayuan perayu di peringkat hujahan permulaan (*opening speech*) dan keterangan saksi-saksi. Semua ahli panel kemudiannya telah bersara sebelum mendengar hujahan serta keputusan (*deciding order*). Sebelum prosiding selanjutnya pada 27 November 2012 pihak-pihak telah ditanya sama ada bersetuju rayuan diteruskan untuk didengar di hadapan panel baru. Kedua-dua pihak kemudiannya bersetuju supaya hujahan diteruskan di hadapan panel baru. Berdasarkan persetujuan tersebut panel baru telah meneruskan prosiding dengan mendengar hujahan lisan pada 27 November 2012. Pihak-pihak juga telah memfailkan hujahan bertulis. Pada 26 Julai 2013 panel baru telah membuat keputusan berdasarkan keterangan-keterangan yang direkodkan dan pernyataan saksi yang difailkan di hadapan panel pertama serta hujahan-hujahan di hadapan panel baru. *Deciding order* telah diberikan pada 19 Mac 2014 (seperti yang terkandung di ms 56–57 *case stated* (lampiran 1)). Perayu telah merayu terhadap *deciding order* tersebut dan responden juga tidak berpuashati memfailkan rayuan balas.

[4] Peguam hasil (*revenue counsel*) bagi pihak responden berhujah bahawa tidak terdapat apa-apa kegagalan korum (*corum failure*) telah berlaku kerana syarat-syarat pengujudan panel telah dipatuhi iaitu terdapat tiga ahli dan salah seorang daripada mereka adalah seorang yang mempunyai pengalaman atau latar belakang undang-undang. Ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ke-5 perenggan 1(1) Akta Cukai Pendapatan yang memperuntukkan seperti berikut:

> 1(1) Every appeal *shall be heard by three Special Commissioners, at least one* of whom *shall be a person with judicial or* other *legal experience* within the meaning of subsection 98(3).

[5] Hujahan peguam hasil lagi bahawa keperluan perenggan 1(1) telah dipatuhi iaitu tiga PKCP telah menjadi ahli panel. Oleh itu pendirian perayu adalah satu fikiran kemudian (*afterthought*) selepas perayu telah memberi persetujuan dan hanya ditimbulkan apabila *deciding order* tidak memihak kepada mereka.

[6] Manakala perayu pula berhujah bahawa perenggan 1A telah tidak dipatuhi apabila ketiadaan seorangpun dalam panel baru ahli daripada panel pertama. Keadaaan ini, hujah peguam perayu lagi bahawa telah wujudnya kegagalan korum (*corum failure*). Perenggan 1A memperuntukkan seperti

berikut:

> 1A *If any one of the Special Commissioners who has commenced hearing* any of the appeals *is unable to complete the hearing* due to expiration of the term of his appointment or other reason, *the hearing may*, with the consent of both parties, *be heard afresh* or *continued by the remaining Special Commissioners with another Special Commissioner.*

[7] Dalam kes ini menurut perayu, jika ketiadaan salah seorang ahli panel yang telah mendengar rayuan tersebut, dengan persetujuan kedua pihak rayuan boleh didengar semula atau disambung oleh ahli-ahli yang tinggal dan PKCP yang lain yang mengisi kekosongan ahli panel pertama yang telah bersara. Namun dalam kes di hadapan mahkamah ini tiada seorang pun ahli dalam panel pertama yang menjadi ahli dalam panel baru yang telah membuat keputusan. Panel baru adalah terdiri dari semuanya ahli-ahli baru. Oleh itu tidak mematuhi perenggan 1A yang memperuntukkan 'or continued by the remaining Special Commissioners with another Special Commissioner'.

[8] Perayu telah merujuk kepada *Chia Yan Tek & Anor v Ng Swee Kiat & Anor* [2001] 4 MLJ 1; [2001] 4 CLJ 61; *Allied Capital Sdn Bhd v Mohd Latiff bin Shah Mohd, & another application* [2005] 3 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 350; *Gurbachan Singh s/o Bagawan Singh & Anor v Vellasamy s/o Pennusamy & Ors and other applications* [2012] 2 MLJ 149; [2012] 2 CLJ 663; *Raja Petra Raja Kamarudin v Menteri Dalam Negeri* [2009] MLJU 1860; [2010] 4 CLJ 25 berkaitan keputusan kes-kes mengenai *quorum failure atau lack of quorum.* Namun kes-kes tersebut adalah berdasarkan peruntukan Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Dalam *Chia Yan Tek & Anor*, telah diputuskan bahawa terdapat kekurangan korum apabila dua daripada hakim Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan telah bersara dan hanya seorang hakim yang tinggal yang layak menjalankan fungsi-fungsi beliau sebagai hakim di mahkamah tersebut semasa keputusan diberi yang mana telah dibacakan oleh timbalan pendaftar. Mahkamah Persekutuan telah mengetepikan penghakimannya sendiri kerana keputusan tersebut yang dbuat oleh korum yang tidak cukup, oleh itu adalah tidak sah (*nullity*). Dalam *MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun* [2002] 2 MLJ 673, penghakiman Mahkamah Persekutuan juga diketepikan apabila pada hari keputusan disampaikan iaitu pada 12 Julai 2000 seorang hakim Mahkamah Persekutuan telah bersara dan persetujuan pihak-pihak tidak diperolehi supaya hakim yang masih ada meneruskan prosiding dan membuat keputusan. Dalam kes *Gurbachan Singh Bagawan Singh,* apabila seorang ahli panel meninggalkan persidangan, dan pendengaran diteruskan oleh dua ahli yang lain telah juga diputuskan bahawa telah berlaku *corum failure.* Mahkamah menyatakan seperti berikut:

> Section 74 of the CJA clearly provides that every proceeding in the Federal Court 'shall be heard and disposed' by a minimum of three judges. It used the words 'shall be heard and disposed'. Thus, the Federal Court must hear and dispose the matter

by a minimum of three judges. In the present case, there was a period where leave applications were heard only by two judges. It was a clear violation of s 74 of the CJA. There had been a corum failure.

[9] Selanjutnya peguam responden berhujah walaupun kedua-dua pihak bersetuju, ini tidak mengesahkan perkara yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang. Penubuhan sesuatu panel PKCP adalah berdasarkan statut iaitu Jadual Ke-5 Akta. Peguam merujuk kepada *Federal Hotel Sdn Bhd v National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers* [1983] 1 MLJ 175; [1983] CLJ Rep 150 keputusan Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman Abdoolcader HMP (beliau pada ketika itu) yang menyatakan di ms 176 perenggan H seperti berikut:

> For the purposes of the appeal before us against the order of the learned judge, it is necessary to consider the jurisdiction of the Industrial Court. *The Industrial Court is a creature of statute and must find its jurisdiction within the periphery of the enabling legislation*. It is clear that once the Industrial Court has made an award, in this case the first award, it is functus officio unless there is a further reference to it by the Minister under s 26 or unless the provisions of ss 30(9), 33(1) or (2) or 56 apply.

[10] Selanjutnya peguam memetik perenggan F penghakiman yang seperti berikut:

> We find accordingly that the Industrial Court had no power to assume jurisdiction in making the second award under either s 33(2) or s 56, both of which did not apply. *Mr Xavier however also seeks to rely on what he terms the complete acquiescence by the appellant in the proceedings which resulted in the second award.* We do not think there was any such acquiescence in the situation thrust on the appellant but in any event jurisdiction does not originate in the consent of the parties and cannot be established, where it is absent, by such consent or acquiescence. *It is a fundamental principle that no consent or acquiescence can confer on a Court or tribunal with limited statutory jurisdiction any power to act beyond that jurisdiction, or can estop the consenting party from subsequently maintaining that such court or tribunal has acted without jurisdiction* (*Essex County Council v Essex Incorporated Congregational Church Union* [1963] AC 808 (at pp 820–821 per Lord Reid). *This principle that jurisdiction cannot be conferred by agreement or estoppel was firmly reiterated recently by the English Court of Appeal in Secretary of State for Employment v Globe Elastic Thread Co Ltd* [1978] QB 86*, in a decision which was reversed by the House of Lords [1980] AC 506, but affirmed on this point.* (Penekanan ditambah.)

KEPUTUSAN

[11] Saya bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa terdapat kegagalan korum (*corum failure*) semasa prosiding di hadapan panel baru PKCP. Ini kerana ketidaan seorangpun keahlian panel daripada panel pertama. Berdasarkan otoriti yang telah diputuskan saya berpendapat persetujuan kedua-dua pihak tidak memberi bidang kuasa untuk panel baru untuk

meneruskan dengan pendengaran rayuan ini. Memandangkan bahawa semua ahli panel pertama telah bersara, maka sepatutnya panel baru hendaklah *mendengar semula* (*heard afresh*) rayuan berdasarkan perenggan 1A bahawa jika diteruskan berdasarkan keterangan yang sedia ada maka rayuan hendaklah diteruskan oleh PKCP yang menjadi ahli panel pertama dan disertai oleh ahli panel yang lain (*continued by the remaining Special Commissioners with another Special Commissioner*). Oleh kerana dalam kes ini ketiadaan seorang pun ahli panel pertama yang masih berkhidmat, ini bermakna rayuan tersebut hendaklah didengar semula (*heard afresh*). Saya berpendapat *heard afresh* di sini ialah prosiding rayuan tersebut hendaklah dimulakan semula bukan dengan menimbangkan keterangan yang sedia ada yang telah diberikan di hadapan panel pertama. Saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam hasil bahawa keadaan dalam kes ini adalah *heard afresh* kerana berdasarkan *case stated* dalam lampiran 1 di sebutkan dengan jelas bahawa panel baru telah bergantung kepada keterangan yang telah direkodkan oleh panel pertama. Oleh itu bukan didengar semula (*heard afresh*).

[12] Berdasarkan di atas saya berpendapat *deciding order* oleh panel baru adalah tidak sah (*nullity*). Oleh itu kes dikembalikan untuk rayuan cukai didengar semula di hadapan panel baru PKCP yang dilantik di bawah peruntukan Jadual Ke-5.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Jacqueleen Kho